

D053

R 8094 DEB
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 NOV -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SEMUA PIHAK KINI PERLU BERGANDING BAHU UNTUK MENENTANG ANCAMAN PENYALAHGUNAAN DADAH SEPERTI MANA MENENTANG ANCAMAN KOMUNIS.

PERDANA MENTERI BERKATA KESAN PENYALAHGUNAAN DADAH AMAT MELUAS DAN BERBAHAYA SERTA IA MERUPAKAN MUSUH-UTAMA YANG DIHADAPI OLEH NEGARA KINI.

OLEH ITU BELIAU BERKATA KESEDARAN DI KALANGAN SEMUA ANGGOTA MASYARAKAT ADALAH PERLU DAN IA PULA BUKANLAH HANYA SECARA PASIF TETAPI AKTIF.

SEMASA BERUCAP DI MALAM PEMADAM 87 DI DI SINI MALAM INI, BELIAU BERKATA IA DAPAT DIBUKTIKAN DENGAN MENYERTAI KEGIATAN ANJURAN PEMADAM KERANA NEGARA MEMERLUKAN TENAGA YANG SEDAR AKAN MASALAH YANG DIHADAPI.

KATANYA, SEHINGGA INI PELBAGAI PIHAK TELAH MEMBANTU UNTUK MENGATASI MASALAH TERSEBUT MELALUI PEMADAM. -- LAGI
2338MST 09 11 87

D054

R 8095 DEB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA KEADAAN INI BERTERUSAN, NEGARA MEMPUNYAI HARAPAN UNTUK MENGATASI MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA RAMAI DI ANTARA ANGGOTA MASYARAKAT YANG BELUM SEDAR AKAN MASALAH NAJIS DADAH TERMASUKLAH SESETENGAH IBU BAPA, GURU DAN PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN.

OLEH ITU, KATA BELIAU, PEMADAM PERLU SECARA AKTIF MENYEDARKAN MEPEKA BERKENAAN SELAIN MENGADAKAN TINDAKAN SUSULAN KEPADA KES-KES YANG PERLU.

BELIAU BERKATA RAMAI DARIPADA BEKAS PENAGIH NAJIS DADAH YANG PULIH, KEMBALI KEPADA TABIAT LAMANYA APABILA BERGAUL DENGAN KAWAN-KAWAN LAMA MEREKA DAN KEADAAN INILAH YANG MEMERLUKAN TINDAKAN SUSULAN SUPAYA MEREKA TIDAK KEMBALI MENAGIH.

WALAUPUN PEMADAM SUDAH MENGADAKAN TINDAKAN SUSULAN PADA MASA INI, MASIH BANYAK YANG PERLU DILAKUKANNYA DAN KERAJAAN JUGA BERHARAP-ORANG RAMAI AKAN TURUT MENYERTAI KEGIATAN PEMADAM. -- LAGI
2342MST 09 11 87

D056

R 8096 DEB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP SEMUA CAWANGAN PEMADAM DI SELURUH NEGARA AKAN BERGERAK CERGAS UNTUK MEMBANTU KERAJAAN MENGATASI MASALAH ITU.

BELIAU MENYAMBUK BAIK USAHA YANG DILAKUKAN OLEH PEMADAM UNTUK MENCEGAH PENYALAHGUNAAN DADAH TETAPI KATANYA +ADALAH MALANG BAGI MALAYSIA KERANA IA TERKENAL DENGAN MASALAH NAJIS DADAH+.

+KITA TIDAK INGIN MENJADI JUARA BILANGAN PENAGIH NAJIS DADAH KERANA JIKA DIBUAT PERBANDINGAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN, BILANGAN PENAGIH DI DALA NEGARA ADALAH TINGGI,+ KATA BELIAU.

SEBAGAI CONTOHNYA, KATANYA, DI EROPAH TIDAK BANYAK MASALAH PENAGIHAN NAJIS DADAH WALAUPUN NEGARA-NEGARA BERKENAAN BESIKAP LEBIH LIBERAL TERHADAP PENGEDARAN NAJIS DADAH.

TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMAD RAHMAT DAN TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB. -- BERNAMA
2354MST 09 11 87

D059

R 0097 DEB

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNG BERITA AWAL)

SEMENTARA ITU, DATUK MEGAT JUNID YANG JUGA YANG DIPERTUA PEMADAM KEBANGSAAN MENINGATKAN PEMADAM-PEMADAM NEGERI SUPAYA MEMOHON KEBENARAN PEMADAM KEBANGSAAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM MENGADAKAN AKTIVITI AMAL.

BELIAU JUGA BERKATA SEMUA PIHAK MESTI MEMERANGI PENYALAHGUNAAN NAJIS DADAH KERANA IA SATU PERJUANGAN SUCI DAN MULIA DALAM USAHA MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG DAPAT MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA DAN MEMAJUKANNYA.

HADIRIN PADA MAJLIS ITU DIHIBURKAN OLEH KUMPULAN MUZIK DARI ENGLAND, +THE HOLLIES+. -- BERNAMA
0013MST 10 11 87